



**PUSAT KAUNSELING, KERJAYA & ALUMNI  
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

## **PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN (KAUNSELING KELOMPOK)**

## Kerahsiaan dan Limitasi Kerahsiaan

Semua perbincangan dalam sesi adalah dirahsiakan. Saya menjamin kerahsiaan dan anda juga bertanggungjawab menjaga kerahsiaan tersebut. Terdapat beberapa limitasi yang memerlukan saya melaporkan kepada pihak berkenaan seperti :

- a. Jika maklumat yang dikongsi akan / boleh membahayakan diri anda atau orang lain atau sebarang perlakuan berbahaya yang menunjukkan anda tidak dapat mengawal diri.
  - b. Jika anda terlibat dalam penderaan kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya, atau pasangan anda.
  - c. Sekiranya saya diwaran (subpoenae) dari mahkamah, maka saya boleh menyatakan isu yang kita bincangkan bersama apabila disoal.
  - d. Sebagai sebahagian daripada proses membantu, kaunselor mungkin membincangkan sesuatu isu dengan seorang kaunselor / psikologis / psikiatris untuk mendapatkan pandangan profesional mereka.

## **Bagaimana Kaunseling Kelompok Dijalankan?**

1. Kaunselor dan ahli kelompok akan bekerjasama untuk membina matlamat sebenar kelompok setelah dipersejuaui oleh semua ahli.
  2. Saya tidak akan membuat keputusan untuk anda di dalam kelompok, tetapi hanya akan menjadi fasilitator untuk menggalakkan proses membuat keputusan. Keputusan yang diambil adalah menjadi tanggungjawab anda sendiri dan ahli kelompok.
  3. Setiap ahli kelompok bertanggungjawab untuk membincangkan isu atau masalah yang normal yang difikirkan mampu untuk dibincangkan di dalam kelompok dan bersama-sama mencari jalan penyelesaian yang terbaik.
  4. Adalah menjadi tanggungjawab anda di dalam kelompok untuk memberikan komitmen, bertanggungjawab dan memberikan maklum balas yang aktif semasa sesi kelompok dijalankan.

## **Tanggungjawab Klien dan Kaunselor**

1. Dalam sesi ini, saya berperanan sebagai fasilitator kepada ahli kelompok dalam menangani isu dan masalah yang dihadapi dengan menghormati maruah diri, nilai, dan keupayaan anda.
  2. Kegagalan anda untuk menghadiri sesi selama beberapa kali boleh menyebabkan saya membuat penamatan sesi dan/ atau merujuk kepada kaunselor lain.
  3. Untuk memastikan keberkesanan sesi, adalah penting untuk anda menghadiri sesi, memberi kerjasama, dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengatasi isu yang dikemukakan. Jika anda tidak dapat menghadiri sesi, sila maklum kepada saya sebelum temujanji diadakan.

4. Anda berhak menarik diri daripada sesi dan / atau merujuk kepada kaunselor lain sekiranya anda tidak berasa selesa dengan saya.
5. Saya juga berhak untuk memberhentikan anda dari terus menjadi ahli kelompok sekiranya anda cuba untuk membincangkan isu-isu sensitif.
6. Setiap ahli kelompok telah dipilih dengan mempunyai matlamat dan keperluan yang sama semasa penyertaan bagi mencapai satu matlamat kelompok yang terbaik.
7. Saya akan memberitahu tempat, tarikh, dan masa sesi kelompok dijalankan.
8. Saya akan memberitahu jumlah sesi yang akan diadakan.
9. Anda mempunyai hak untuk memberi kebenaran kepada saya untuk merekodkan atau merakamkan sesi yang dijalankan bagi tujuan penyeliaan atau kajian khusus.
10. Segala sesi yang dijalankan akan direkod dan anda mempunyai hak untuk melihat dan memeriksa rekod tersebut.

Saya seperti nama dan no. matrik berikut telah membaca dan memahami segala maklumat yang ada di dalam kontrak ini dan tidak akan mempersoalkan tindakan kaunselor saya sekiranya saya melanggar perjanjian ini.

---

Tandatangan Kaunselor : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Terima kasih kerana membaca pemberitahuan persetujuan ini. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan saya.